

TAHAP PRASARANA PENDIDIKAN DAN PERSEKITARAN
PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA TINGGI

NURAZUAN BIN RAZALI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT.

Ayahanda dan Bonda tercinta,
Hj. Razali Sadikin, Hjh. Azizah Kayat & Pn. Khatijah Awang
Terima kasih atas doa dan sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Teman sejiwa dan Isteri tercinta,
Zuraida Zulkapli
Terima kasih kerana memahami dan memotivasi.

Sahabat,
Shahrul Anuar Hadison, Suhaila Mohd Ajib & Simon Louis Arokiasamy
Terima kasih atas baik budi dan semai bakti.

Serta seluruh ahli keluarga dan saudara tercinta
Terima kasih atas semangat dan inspirasi.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Hamdan bin Said kerana tidak jemu memberi galakan, cabaran, nasihat, bimbingan, teguran dan tunjuk ajar kepada saya dari permulaan sehinggalah selesai kajian ini. Tanpa semua itu disertai kesabaran dan bantuan beliau, tidak mungkin kajian ini dapat disiapkan.

Jutaan terima kasih buat seluruh ahli keluarga, rakan, teman sekerja dan pihak pengurusan dan pentadbiran Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama sepanjang tahun pengajian saya.

Tidak lupa juga terima kasih dan penghargaan tinggi saya kepada semua pensyarah UTM yang telah mencurahkan ilmu dan bakti mereka kepada saya.

Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak pentadbir di enam buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian. Kerjasama daripada semua guru yang terlibat dalam kajian ini juga amat amat saya hargai kerana mereka sudi meluangkan masa untuk menjadi responden dalam kajian saya ini.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat akan saya ingat buat selamanya. Semoga jalinan ukhwah dan silaturahim kita ini kekal dunia dan akhirat. Amin Ya Robbal ‘Alamin.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah menengah daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Sebanyak enam buah sekolah dipilih berdasarkan jenis sekolah dan lokasinya daripada sejumlah 21 buah sekolah menengah dalam daerah Kota Tinggi. Seramai 142 orang guru yang mewakili lebih 30% daripada jumlah populasi dari enam buah sekolah menengah dalam daerah Kota Tinggi telah dilibatkan dalam kajian ini. Instrumen kajian diadaptasi dan dimurnikan dari instrumen *Total Learning Environment Assessment* (TLEA) dengan nilai kebolehpercayaan pekali Alpha-Cronbach 0.906. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan nilai kekerapan, peratusan dan min. Secara keseluruhannya, keputusan kajian menunjukkan bagi kebanyakan sekolah tahap prasarana pendidikan dan tahap persekitaran pembelajaran di sekolah menengah daerah Kota Tinggi berada pada tahap sederhana. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa prasarana pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan persekitaran pembelajaran. Keputusan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penilaian tahap prasarana dan tahap persekitaran pembelajaran bagi guru lelaki dan perempuan bagi kebanyakan sekolah. Semua data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pihak yang berkenaan dalam menambahbaik prasarana pendidikan ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih positif.

ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the level of educational infrastructure and learning environment in secondary schools in Kota Tinggi, Johor. This study is a survey which aims to answering the research questions posed. Six schools were selected based on school type and location of a total of 21 secondary schools in the district of Kota Tinggi. A total of 142 teachers representing over 30% of the total population of the six secondary schools in Kota Tinggi district participated in this study. The research instrument was adapted and refined from instruments of Total Learning Environment Assesment (TLEA) with values of Cronbach Alpha reliability coefficient of 0.906. Data were analyzed using the frequency, percentage and mean. Overall, the results showed that for most of the schools the level of educational infrastructure and learning environment in secondary schools in Kota Tinggi is moderate. The results also show that the educational infrastructure had a significant relationship with the learning environment. Results showed no significant differences in the assessment of the level of infrastructure and learning environment for male and female teachers in many schools. All data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 16.0. The findings of this study are expected to be a guide to the relevant authorities in improving educational infrastructure to create a more positive learning environment.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11

1.7	Kerangka Konsep Kajian	11
1.8	Rasional Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	13
1.10	Skop dan Batasan Kajian	14
1.11	Definisi dan Istilah Operasi	14
1.11.1	Prasarana Pendidikan	15
1.11.2	Ruang Pembelajaran Akademik	16
1.11.3	Ruang Pembelajaran Khas	16
1.11.4	Persekitaran Pembelajaran	17
1.11.5	Persekitaran Luaran	17
1.11.6	Persekitaran Dalaman	17
1.11.7	Peneguhan Visual	18
1.12	Penutup	19

2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Prasarana Pendidikan	20
2.3	Persekitaran Pembelajaran	25
2.3.1	Persekitaran Pembelajaran di Amerika	27
2.3.2	Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran di Malaysia	28
2.4	Penutup	29

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Lokasi Kajian	31
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	Bahagian A – Maklumat Demografik Responden	35
3.5.2	Bahagian B – Prasarana Pendidikan	35
3.5.3	Bahagian C – Persekitaran Pembelajaran	36
3.5.4	Pemurnian Instrumen TLEA	37
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	38
3.7	Kajian Rintis	40
3.8	Proses Pengumpulan Data	41
3.9	Analisis Data	42
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	43
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi	43
3.10	Penutup	45

4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Demografik	46
4.2.1	Jantina Responden	47
4.2.2	Umur Responden	48
4.2.3	Pengalaman Mengajar	48
4.2.4	Tempoh Berkhidmat di Sekolah Kini	49
4.3	Analisis Diskriptif	50

4.3.1	Prasarana Pendidikan	51
4.3.2	Prasarana Pendidikan Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik	52
4.3.2.1	Analisis Pernyataan Item Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik	54
4.3.3	Prasarana Pendidikan Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Khas	56
4.3.3.1	Analisis Pernyataan Item Dimensi Ruang Pembelajaran Khas	58
4.3.4	Perbandingan Dimensi Prasarana Pendidikan	60
4.3.5	Persekitaran Pembelajaran	61
4.3.6	Persekitaran Pembelajaran Bagi Dimensi Persekitaran Luaran	62
4.3.6.1	Analisis Pernyataan Item Dimensi Persekitaran Luaran	64
4.3.7	Persekitaran Pembelajaran Bagi Dimensi Persekitaran Dalaman	66
4.3.7.1	Analisis Pernyataan Item Dimensi Persekitaran Dalaman	68
4.3.8	Persekitaran Pembelajaran Bagi Dimensi Peneguhan Visual	70
4.3.8.1	Analisis Pernyataan Item Dimensi Peneguhan Visual	71
4.3.9	Perbandinga Dimensi Persekitaran Pembelajaran	73
4.4	Analisis Inferensi	74
4.4.1	Hubungan Antara Prasarana Pendidikan Dengan Persekitaran Pembelajaran	74
4.4.2	Perbezaan Tahap Prasarana Pendidikan Berdasarkan Faktor Jantina	79
4.4.3	Perbezaan Tahap Persekitaran Pembelajaran	

	Berdasarkan Faktor Jantina	83
4.5	Penutup	87
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	88
5.2	Rumusan	88
5.3	Perbincangan	90
5.3.1	Prasarana Pendidikan	91
5.3.2	Persekitaran Pembelajaran	97
5.3.3	Hubungan Prasarana Pendidikan Dengan Persekitaran Pembelajaran	103
5.3.4	Perbezaan Tahap Prasarana Pendidikan Berdasarkan Faktor Jantina	105
5.3.5	Perbezaan Tahap Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Faktor Jantina	106
5.3.6	Pengujian Hipotesis	108
5.4	Cadangan	109
5.4.1	Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	109
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	113
5.5	Penutup	114
	RUJUKAN	115
	LAMPIRAN	121

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Ekshibit 6-13: Keperluan Pembangunan Infrastruktur Sekolah	22
3.1	Jenis Dan Kod Nama Sekolah Yang Dikaji	32
3.2	Skala Likert Borang Soal Selidik	34
3.3	Taburan Item Prasarana Pendidikan	36
3.4	Taburan Item Persekitaran Pembelajaran	37
3.5	Pemurnian Instrumen TLEA	37
3.6	Julat Pekali Alpha-Cronbach	39
3.7	Pekali Alpha-Cronbach Bagi Instrumen Kajian	41
3.8	Jadual Julat Pengkelasan Skor Min	43
3.9	Garis Panduan Guilford Bag Kekuatan Hubungan Pearson	44
3.10	Nilai Signifikan Ujian Korelasi Pearson	45
3.11	Nilai Signifikan Ujian- <i>T</i>	45
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	47
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	48
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	49
4.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat Di Sekolah Kini	50
4.5	Pernyataan Item Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik	52
4.6	Min, Sisihan Piawai Dan Skor Sekolah Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik	53
4.7	Analisis Pernyataan Item Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik	54

4.8	Pernyataan Item Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Khas	56
4.9	Min, Sisihan Piawai Dan Skor Sekolah Bagi Dimensi Ruang Pembelajaran Khas	57
4.10	Analisis Pernyataan Item Dimensi Ruang Pembelajaran Khas	58
4.11	Perbandingan Nilai Min Keseluruhan Konstruk Prasarana Pendidikan	60
4.12	Pernyataan Item Bagi Dimensi Persekitaran Luaran	62
4.13	Min, Sisihan Piawai Dan Skor Sekolah Bagi Dimensi Persekitaran Luaran	63
4.14	Analisis Pernyataan Item Dimensi Persekitaran Luaran	64
4.15	Pernyataan Item Bagi Dimensi Persekitaran Dalaman	66
4.16	Min, Sisihan Piawai Dan Skor Sekolah Bagi Dimensi Persekitaran Dalaman	67
4.17	Analisis Pernyataan Item Dimensi Persekitaran Dalaman	68
4.18	Pernyataan Item Bagi Dimensi Peneguhan Visual	70
4.19	Min, Sisihan Piawai Dan Skor Sekolah Bagi Dimensi Peneguhan Visual	70
4.20	Analisis Pernyataan Item Dimensi Peneguhan Visual	71
4.21	Perbandingan Nilai Min Keseluruhan Konstruk Persekitaran Pembelajaran	73
4.22	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah A	76
4.23	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah B	76
4.24	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah C	77
4.25	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah D	77
4.26	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah E	78
4.27	Hubungan Antara Pembolehubah Kajian Di Sekolah F	78
4.28	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah A	80

4.29	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah B	80
4.30	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah C	81
4.31	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah D	81
4.32	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah E	82
4.33	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Prasarana Pendidikan dan Jantina Di Sekolah F	82
4.34	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah A	84
4.35	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah B	84
4.36	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah C	85
4.37	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah D	85
4.38	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah E	86
4.39	Keputusan Ujian- <i>t</i> : Persekitaran Pembelajaran dan Jantina Di Sekolah F	86
5.1	Keputusan Pengujian Hipotesis	108

SENARAI RAJAH

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Graf Bilangan Sekolah Rendah Dan Menengah Yang Masih Menghadapi Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas	5
1.2	Kerangka Konsep Kajian	12

SENARAI SINGKATAN

CD-ROM	-	Compact Disc Read-Only Memory
CEFPI	-	Council of Educational Facility Planners, International's
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ICT	-	Information and Communication Technology
IT	-	Information Technology
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBS	-	Penilaian Berasaskan Sekolah
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
PSI	-	Pelan Strategik Interim 2010-2020
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
TLEA	-	Total Learning Environment Assessement
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Wi-fi	-	Wireless Fidelity
H ₀₁	-	Hipotesis Nol Pertama
H ₀₂	-	Hipotesis Nol Kedua
H ₀₃	-	Hipotesis Nol Ketiga
Bil	-	Bilangan
M	-	Min
SP	-	Sisihan Piawai
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju

SENARAI SIMBOL

$\%$	-	Peratus
f	-	Kekerapan
α	-	Alpha
df	-	Degrees of Freedom
p	-	Nilai Signifikan
r	-	Pekali Pearson

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A1-F1	Analisis Item Dimensi Ruang Pembelajaran Akademik Sekolah A, B, C, D, E dan F	122
A2-F2	Analisis Item Dimensi Ruang Pembelajaran Khas Sekolah A, B, C, D, E dan F	128
A3-F3	Analisis Item Dimensi Persekitaran Luaran Sekolah A, B, C, D, E dan F	134
A4-F4	Analisis Item Dimensi Persekitaran Dalaman Sekolah A, B, C, D, E dan F	140
A5-F5	Analisis Item Dimensi Peneguhan Visual Sekolah A, B, C, D, E dan F	146
G	Analisis SPSS Kebolehpercayaan Item	152
H1-H6	Analisis SPSS Min Keseluruhan Konstruk Prasarana Pendidikan dan Persekitaran Pembelajaran Sekolah A, B, C, D, E dan F	157
I1-I6	Analisis SPSS Ujian Korelasi Pearson dan Ujian- <i>t</i> Sekolah A, B, C, D, E dan F	163
J	Data Mentah Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi	181
K	Instrumen Soal Selidik	182
L	Surat Pengesahan Status Pelajar	187

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia mutakhir ini berhadapan dengan cabaran yang getir dalam usaha menyediakan sistem pendidikan berkualiti. Dalam kesungguhan untuk menempatkan diri setaraf dengan kelompok negara maju di dunia, maka tumpuan wajar diberikan kepada penyediaan dan pembangunan prasarana pendidikan yang terbaik, cekap dan berkesan, agar sistem pendidikan kita berupaya melahirkan generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran, kreatif dan inovatif, seterusnya mampu menjana perkembangan ekonomi keseluruhannya.

Prasarana pendidikan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan dari segi fizikal. Berbanding dengan sekitar tahun 1990an, kini prasarana pendidikan telah dan sedang dibangunkan dengan pesatnya. Pembangunan tidak sahaja tertumpu kepada aspek fizikal infrastruktur semata-mata tetapi kerajaan turut menjadikan prasarana infostruktur teknologi maklumat yang lengkap sebagai agenda utama. Semua usaha ini dilakukan demi memberikan peluang pendidikan yang saksama dan adil kepada seluruh rakyat Malaysia merentas batas geografi dan strata ekonomi masyarakat.

“Sememangnya sejak merdeka, kerajaan telah menjadikan bidang pendidikan sebagai agenda utama negara. Kerajaan juga menyedari pelaburan dalam bidang ini adalah prasyarat kepada sebuah negara yang makmur dan pembangunan rakyat yang

sejahtera. Lalu setiap tahun menyaksikan peruntukan besar dan kali ini 21 peratus daripada keseluruhan bajet. Namun didapati hasil yang diperolehi tidak setara dengan pelaburan yang telah dibuat. Maka pada 11 September 2012, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi memastikan sistem pendidikan negara akan mampu mengoptimumkan potensi setiap anak Malaysia. Bagi bajet 2013, sebanyak 38.7 bilion ringgit telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran meliputi peruntukan mengurus dan pembangunan.” (Bajet 2013, Ucapan Perdana Menteri Malaysia).

Hampir keseluruhan sekolah di Malaysia tanpa mengira kedudukan sama ada sekolah bandar atau luar bandar sudah menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk keselesaan pelajar. Strategi Kementerian adalah memberikan keutamaan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran, akses kepada maklumat yang boleh dipercayai dan bermakna, kebertanggungjawaban dan ketelusan, serta persekitaran dan pembelajaran yang sesuai (PPPM 2013-2025, Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia). Kelengkapan infrastruktur di sekolah juga sangat penting sebagai pemangkin kepada kemenjadian pelajar yang lebih berdisiplin dan seterusnya mampu meningkatkan prestasi akademik mereka.

Persekitaran pembelajaran di sekolah telah mengubah cara pelajar belajar. Persekitaran yang kondusif dikatakan dapat melahirkan suasana yang seronok untuk belajar serta meningkatkan prestasi pelajar seperti penggunaan bilik darjah untuk aktiviti yang sesuai dan penyediaan bilik-bilik khas. Dewees (1999) berpendapat cabaran bagi pendidik ialah untuk mengubahsuai dan mereka bentuk infrastruktur bangunan yang sesuai untuk persekitaran pembelajaran yang baru dengan menggunakan kaedah yang baru dan juga dengan menggunakan teknologi terkini dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, pembangunan prasarana yang lengkap adalah sangat penting dalam membentuk dan menaik taraf pendidikan di negara ini.

Persekitaran pembelajaran adalah merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran sama ada bilik darjah, makmal sains, kawasan lapang ataupun pejabat (Tessmer dan Harris, 1992). Ia merupakan tempat di mana pembelajaran itu berlaku sama ada dalam konteks sosial, psikologi mahupun pedagogi yang seterusnya mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar (Fraser, 1998). Ianya juga merangkumi keadaan yang berkaitan reka bentuk, susunatur atau susunan dan keadaan sekeliling sesuatu infrastruktur. Olson dan Kellum (2003) menjelaskan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai kualiti infrastruktur yang baik akan meningkatkan pencapaian pelajar.

Oleh itu, persekitaran pembelajaran seharusnya diurus dengan baik agar membolehkan pelajar menetapkan matlamat peribadi, aktif mengumpul dan mengurus maklumat yang diperlukan, mengawal dan menilai pembelajaran sendiri dan seterusnya berkemampuan memberikan maklum balas pengalaman peribadi dalam pelbagai persekitaran dan konteks sosial pengajaran dan pembelajaran (Brown dan Campione 1996). Persekitaran yang tidak kondusif pula akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Persekitaran kondusif memberi gambaran yang luas meliputi aspek mikro dan makro dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985).

Kajian ini cuba untuk meneliti tahap prasarana pendidikan yang ada di sekolah serta persekitaran pembelajaran dari penilaian guru-guru di sekolah. Kajian ini juga ingin meneliti adakah terdapat hubungan yang signifikan antara prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran, di samping melihat adakah faktor jantina mempengaruhi tahap penilaian tersebut.

1.2 Latar Belakang Masalah


Saban tahun kerajaan mengagihkan peruntukan yang besar untuk pembangunan pendidikan yang berterusan terutama dalam pembinaan infrastruktur bangunan. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan semua murid mendapat kemudahan yang

selesa untuk belajar seterusnya dapat melahirkan insan yang berjaya dari segi akademik, kokurikulum mahupun sahsiah. Namun begitu, masih terdapat lagi beberapa laporan mengenai kekurangan prasarana di sekolah dan juga persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif.

Sinar Harian (10 Januari 2013) menggambarkan masih terdapat beberapa lokasi sekolah yang tidak strategik dengan bangunan yang dibina terpisah dengan jalan raya. Ini boleh mengundang bahaya kepada warga sekolah tersebut. Manakala, Utusan Malaysia (2 Mac 2010) pula melaporkan hanya 15 peratus iaitu 10 daripada 66 buah sekolah di sekitar Subang Jaya, Selangor mempunyai tahap kebersihan tandas yang baik. Sebanyak 70 peratus lagi atau 46 buah sekolah berada ditahap sederhana manakala selebihnya kurang memuaskan. Antara penyumbang kepada masalah kebersihan tandas di sekolah adalah struktur bangunan atau tandas yang sudah terlalu lama dan kerosakan tidak dibaik pulih pada peringkat awal.

Kesatuan Guru Sarawak (STU) menerusi presidennya William Ghani Bina menyatakan masalah ini juga masih berlaku di seluruh negara terutamanya negeri Sabah dan Sarawak kerana masih banyak sekolah di kedua-dua negeri ini yang kekurangan infrastruktur. Beliau juga menjelaskan bahawa sekolah-sekolah tersebut kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan jauh ketinggalan berbanding di Semenanjung Malaysia (Borneo Post, 11 Oktober 2011). Kenyataan ini dibuktikan seperti Rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1 : Graf Bilangan Sekolah Rendah Dan Menengah Yang Masih Menghadapi Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas.



(Sumber : Utusan Malaysia, 2007)

Graf di atas menunjukkan sebanyak 1,517 sekolah rendah dan 68 sekolah menengah masih tiada bekalan air bersih. Bagi sekolah-sekolah tersebut bekalan air disediakan melalui kaedah bekalan air graviti, penuaian hujan dan telaga tiub. Ini bermakna masih ada sekolah yang mendapat sumber air daripada air sungai, air terjun dan menadah air hujan. Perancangan kurikulum dan pembangunan perisian juga jauh lebih pantas daripada pembangunan infrastruktur. Sebanyak 1,639 buah sekolah rendah tidak mempunyai bilik atau makmal sains, dan 42 buah sekolah masih menumpang di sekolah lain. Bagi sekolah menengah, 138 buah tidak mempunyai makmal komputer, 25 buah tidak mempunyai makmal sains dan 26 buah masih menumpang di sekolah lain. Sekiranya masalah ini belum diatasi sepenuhnya maka ia akan memberi kesan yang negatif kepada persekitaran pembelajaran pelajar di sekolah.

Prasarana sekolah yang serba lengkap adalah tidak bermakna sekiranya kualiti pembelajaran tidak dititikberatkan dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelbagai kemudahan prasarana telah disediakan kerajaan demi mewujudkan suasana selesa dalam pengajaran para guru dan pembelajaran para pelajar. Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, Malaysia beruntung kerana usaha kerajaan berjaya menjadikannya sebagai antara negara dunia yang dapat menyediakan akses pendidikan kepada lebih 90 peratus rakyatnya berbanding negara lain seperti Indonesia.

PPPM 2013-2025 juga menyatakan, bagi memastikan pembangunan pendidikan yang menyeluruh dan meningkatkan ekuiti dalam pendidikan, penyediaan prasarana sekolah merupakan satu elemen penting yang diberikan perhatian dalam perancangan pendidikan di Malaysia. Kepentingan perancangan dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik tidak dapat dinafikan amat kritikal dalam menyokong kejayaan agenda pendidikan negara. Infrastruktur yang mencukupi dan selesa ini amat penting bagi membolehkan proses pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum yang berkesan.

Ogundare (1999) dan Olagboye (2004), berpendapat, penggunaan infrastruktur sekolah dan persekitaran pembelajaran sebagai tahap penggunaan bangunan sekolah, makmal, perpustakaan, taman bunga, bola tampar, kerusi, meja dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terlalu banyak tekanan pada penggunaan mereka akan menyebabkan situasi yang boleh membawa kepada kemerosotan. Sebagai contoh, apabila kelas dibina untuk menampung 40 pelajar digunakan untuk 60 pelajar maka pulangan daripada kemudahan ini tidak boleh dimaksimumkan dari segi pengajaran dan pembelajaran.

Kemudahan pembelajaran yang selesa bukan sahaja meningkatkan semangat guru dan pelajar tetapi juga akan memastikan pencapaian objektif yang ditetapkan sekolah. Inisiatif kerajaan seharusnya memberi tumpuan terhadap usaha berterusan dan menyeluruh bagi memantapkan kemudahan fizikal dan infrastruktur institusi pendidikan

di seluruh negara. Justeru kemudahan asas iaitu bekalan air bersih dan bekalan elektrik ke sekolah terutamanya di kawasan pedalaman perlu disegerakan dengan alternatif apa sekalipun bagi menjamin kesejahteraan murid di luar bandar dan seterusnya menyumbang ke arah persekitaran pembelajaran yang kondusif (PPPM 2013-2025).

PPPM 2013-2025 juga menyatakan, prasarana infostruktur di sekolah bukan lagi suatu kehendak tetapi telah menjadi suatu keperluan. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran serta dalam bidang pentadbiran dan pengurusan sekolah dan institusi pendidikan adalah prasyarat bagi Malaysia untuk menjadi negara yang maju berpendapatan tinggi. Seiring dengan itu sistem e-pembelajaran diperkenalkan. E-pembelajaran merupakan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik untuk menyampaikan isi kandungan, interaksi atau pemudahcaraan, menerusi media elektronik seperti internet, intranet, setelit, pita audio dan video, televisyen interaktif dan CD-ROM.

Menerusi e-pembelajaran, pengajaran boleh disampaikan pada waktu yang fleksibel dengan fokus utama e-pembelajaran ialah murid perlu berdikari pada masa-masa tertentu serta bertanggungjawab dan berperanan lebih aktif ke atas pembelajarannya dengan cara membuat perancangan dan persediaan rapi untuk mencari bahan maklumat berkaitan dengan pembelajaran atas daya usaha dan inisiatif sendiri. Jelasnya disini, e-pembelajaran membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat mengurangkan penggunaan teknologi maklumat bagi kegunaan negatif yang lain.

Kemajuan teknologi telah membolehkan guru-guru sentiasa membuat perbandingan dengan dunia luar dan semakin banyak yang mereka ketahui tentang kemudahan persekitaran di sekolah lain, semakin tinggi harapan mereka. Sekiranya persekitaran pembelajaran tidak memenuhi harapan pelanggan, maka pelanggan akan kecewa dan ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya jika harapan pelanggan dipenuhi, persekitaran yang selesa dapat dilahirkan dan ini seterusnya membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran

dan pembelajaran. Maka adalah wajar dan penting untuk menilai tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah (Ruzita Selamat *et al.*, 2004).

1.3 Penyataan Masalah

Setiap tahun bajet yang diumumkan oleh kerajaan terhadap sektor pendidikan amat besar sekali. Peruntukan yang melibatkan infrastruktur sekolah semakin meningkat dari tahun-tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa pembangunan pendidikan sangat dititikberatkan oleh pihak kerajaan. Hampir semua sekolah telah mendapat kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti beberapa kemudahan infrastruktur yang perlu ditingkatkan pelaburannya dalam tempoh terdekat. Antara kemudahan yang dikenalpasti ialah bekalan elektrik, air bersih yang selamat diminum, makmal komputer, makmal sains, dan bilik darjah dan bangunan yang mencukupi untuk membolehkan pelaksanaan persekolahan satu sesi. Namun, pengurusan kemudahan prasarana sekolah yang tidak baik akan memberi impak yang negatif terhadap persekitaran pembelajaran di sekolah.

Walaupun masih terdapat masalah keciciran pembangunan di beberapa lokasi sekolah, penyediaan kemudahan infrastruktur dan infostruktur berlangsung dengan giat sekali bagi rata-rata seluruh sekolah di Malaysia. Ini termasuklah pembinaan sekolah baru bagi lokasi yang masih tidak mempunyai sekolah demi memberi akses kepada pendidikan terutamanya di kawasan luar bandar, dan pembinaan bilik darjah tambahan bagi sekolah yang berkeperluan untuk mengurangkan kesesakan kelas iaitu maksimum 35 orang murid setiap kelas, terutama di bandar utama. Perkara ini dilaksanakan bagi memastikan keselesaan murid. Usaha meningkatkan kualiti kemudahan fizikal di sekolah terutamanya yang telah beroperasi selama 30 tahun akan terus diberi tumpuan. Hal ini merangkumi keperluan kemudahan tambahan atau gantian seperti bilik darjah

baru, makmal sains, bengkel kemahiran, perpustakaan dan bilik pentadbiran yang lebih selesa (Pelan Strategik Interim, 2010-2020).

Rentetan dari usaha tersebut, Kementerian Pelajaran telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi memastikan sistem pendidikan negara akan mampu mengoptimumkan potensi setiap anak Malaysia (Bajet 2013). Semua sekolah perlu mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting untuk iklim yang baik, selamat, bersih serta pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Laporan awal PPPM 2013-2025 turut membentangkan kejayaan penambahbaikan prasarana sekolah dengan peratusan kenaikan tahap pembangunan yang memberangsangkan. Bagi rekod 2005 hingga 2011, prasarana sekolah seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih, sekolah dua sesi dan makmal komputer mencatat penambahbaikan yang positif. Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM19.771 juta untuk menampung perbelanjaan pembangunan sekolah dengan 80% darinya untuk pembangunan infra fizikal, manakala selebihnya untuk infra IT, utiliti dan infra lain.

Namun, disebalik kebanggaan kita terhadap pembangunan prasarana pendidikan yang pesat ini, adakah ianya seiring dengan persekitaran pembelajaran yang berlaku di sekolah. Justeru itu kajian seperti ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti apakah tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah adalah seiring. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara prasarana pendidikan terhadap persekitaran pembelajaran di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

- (i) Mengenalpasti tahap prasarana pendidikan di sekolah.
- (ii) Mengenalpasti tahap persekitaran pembelajaran di sekolah.
- (iii) Mengenalpasti hubungan di antara tahap prasarana pendidikan dengan tahap persekitaran pembelajaran di sekolah menengah daerah Kota Tinggi.
- (iv) Mengenalpasti perbezaan terhadap tahap prasarana pendidikan berdasarkan faktor jantina di sekolah.
- (v) Mengenalpasti perbezaan terhadap tahap persekitaran pembelajaran berdasarkan faktor jantina di sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- (i) Apakah tahap prasarana pendidikan di sekolah?
- (ii) Apakah tahap persekitaran pembelajaran di sekolah?
- (iii) Adakah terdapat hubungan yang di antara tahap prasarana pendidikan dengan tahap persekitaran pembelajaran di sekolah?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap prasarana pendidikan berdasarkan faktor jantina di sekolah?

- (v) Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap persekitaran pembelajaran berdasarkan faktor jantina di sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan, hipotesis kajian adalah :

1.6.1 Hipotesis nol 1

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara prasarana pendidikan dengan persekitaran pembelajaran di sekolah menengah daerah Kota Tinggi.

1.6.2 Hipotesis nol 2

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap prasarana pendidikan berdasarkan faktor jantina di sekolah menengah daerah Kota Tinggi.

1.6.3 Hipotesis nol 3


H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap persekitaran pembelajaran dengan faktor jantina di sekolah menengah daerah Kota Tinggi.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap prasarana pendidikan dan tahap persekitaran pembelajaran di sekolah menengah serta hubungan diantara kedua-duanya. Pengkaji ini mengenalpasti adakah tahap prasarana pendidikan dan persekitaran

pembelajaran di sekolah menengah ini mencapai tahap yang diharapkan sejajar dengan peruntukan yang besar terhadap prasarana oleh Kerajaan. Pengkaji juga ingin mengenalpasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina terhadap penilaian tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran.

Rajah 1.2 di bawah menunjukkan ringkasan kajian dalam bentuk kerangka konsep kajian.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

1.8 Rasional Kajian

Kajian mengenai tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah amat kurang dijalankan di negara kita. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah belanjawan yang besar untuk membangunkan prasarana sekolah di Malaysia dengan harapan ia dapat mewujudkan persekitaran kondusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang turut melibatkan pengurusan persekitaran fizikal yang baik di sesebuah sekolah. Di sini, kajian akan dapat melihat sejauhmanakah pihak sekolah pula menjalankan tanggungjawab mereka dalam memelihara, melindungi dan memulihara prasarana sekolah yang telah disediakan, dan

melihat sejauhmanakah pihak sekolah membangunkan dan melestarikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dinamik untuk warga pelajarnya

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan memberi maklumat kepada pihak yang terlibat secara langsung terhadap pembangunan prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah. Berikut adalah pihak yang dimaksudkan dalam kajian ini:

(i) Kementerian Pendidikan Malaysia

Untuk menilai sama ada pelaburan yang dilakukan adalah berbaloi di dalam mencapai tahap persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah dan akhirnya membantu ke arah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

(ii) Pengurusan Sekolah

Untuk mengetahui tahap sebenar prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran yang wujud di sekolah mereka. Justeru dengan maklumat ini ia dapat digunakan untuk peningkatan dan penambahbaikan pada masa akan datang

(iii) Guru

Untuk melihat kepada perkara yang dapat menyumbang ke arah peningkatan persekitaran pembelajaran yang lebih baik dan kondusif yang akhirnya dapat merangsang aktiviti pembelajaran pelajar yang lebih positif.

1.10 Skop dan Batasan Kajian

Berikut adalah skop dan batasan dalam menjalankan kajian ini:

- (i) Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah tahap prasarana pendidikan dan tahap persekitaran pembelajaran di sekolah, hubungan di antara kedua-duanya, serta perbezaan terhadap faktor jantina.
- (ii) Kajian ini hanya melibatkan guru-guru di enam buah sekolah menengah dalam daerah Kota Tinggi sahaja. Sampel kajian ialah 142 orang guru daripada populasi seramai 402 orang guru di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi.
- (iii) Kajian ini juga dijalankan di daerah Kota Tinggi, Johor. Oleh itu kajian ini tidak menggambarkan secara keseluruhan tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di tempat-tempat lain. Dapatan kajian ini tidak menggambarkan situasi yang sama bagi daerah-daerah lain.
- (iv) Kajian dibuat pada suatu tempoh masa sahaja. Oleh itu, kajian ini hanya mencerminkan pandangan pada tempoh masa tersebut dan ianya tidak berkekalan pada masa dan situasi yang berlainan.

1.11 Definisi Istilah dan Operasi

Dalam kajian ini, definisi berikut digunakan bagi menjelaskan maksud prasarana pendidikan, ruang pembelajaran akademik, ruang pembelajaran khas, persekitaran pembelajaran, persekitaran luaran, persekitaran dalaman dan ruang peneguhan visual.

1.11.1 Prasarana Pendidikan

Menurut Kamus Dewan (2005), prasarana bermaksud keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas bagi tujuan kemajuan dan pembangunan, manakala pendidikan pula bermaksud perihal mendidik.

O'Neill (2000) menggunakan instrumen *Total Learning Environment Assessment* (TLEA) untuk mengukur tahap kemudahan sekolah yang diaplikasikannya untuk kajian di beberapa sekolah tinggi dalam kawasan Texas. Instrumen ini digunakan untuk menilai keadaan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Antara faktor-faktor yang dinilai ialah kecukupan pendidikan, persekitaran pembelajaran, ruang yang fleksibel dan juga keadaan struktur dan kosmetik bangunan. Clinton-Gore (2000) pula menyatakan mengenai pemodenan sekolah di Amerika di mana kemudahan yang baik adalah salah satu prasyarat penting bagi pembelajaran pelajar dengan syarat semua pihak menyokong penuh program akademik di sekolah.

Dalam kajian ini, prasarana pendidikan merujuk kepada segala kemudahan fizikal yang terdapat di dalam bilik darjah dan juga bilik-bilik khas yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Prasarana pendidikan turut dipecahkan kepada dua kategori iaitu prasarana dari segi infrastruktur dan infostruktur. Infrastruktur merujuk kepada kemudahan fizikal di sekolah bagi menyokong penterjemahan dan pelaksanaan kurikulum serta kokurikulum yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan. Infostruktur pula merujuk kepada kemudahan sekolah dalam mendapatkan maklumat dan ilmu melalui pemilihan dan penggunaan media massa sama ada media cetak atau elektronik, serta teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan, menerusi jaringan dalaman dan luaran serta perkhidmatan pusat sumber.

1.11.2 Ruang Pembelajaran Akademik

Ruang pembelajaran akademik dalam kajian ini didefinisikan sebagai ruang atau saiz bilik darjah yang menempatkan pelajar dan guru untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga merangkumi segala kemudahan yang terdapat di dalam bilik darjah seperti kerusi, meja, meja guru, perabot, outlet elektrik, komputer dan lain-lain yang memudahkan guru dan pelajar untuk melakukan aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah. Chan (1996) menyatakan bahawa kemudahan sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk proses pembelajaran pelajar.

1.11.3 Ruang Pembelajaran Khas

Dalam kajian ini, ruang pembelajaran khas didefinisikan sebagai ruang atau kemudahan selain bilik darjah yang terdapat di sekolah dan sesuai untuk digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu. Antara yang diterjemahkan sebagai ruang pembelajaran khas ialah makmal sains, makmal kemahiran hidup, perpustakaan, makmal komputer, bilik kelas pemulihan, bilik seni, bilik muzik, surau dan lain-lain. Setiap bilik-bilik khas yang dinyatakan mempunyai peranan tertentu selaras dengan matapelajaran yang diajar oleh guru.

Cash (1993) menyatakan kemudahan prasarana yang teruk seperti makmal sains yang tidak mencapai tahap piawaian sebenar, persekitaran luar yang bising, pendingin hawa dan perabot bilik darjah yang tidak berfungsi dengan baik boleh menyebabkan pencapaian yang teruk.

1.11.4 Persekitaran Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (2005) persekitaran membawa maksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat manakala pembelajaran pula bermaksud proses belajar. Persekitaran pembelajaran membawa maksud keadaan sekeliling di dalam dan luar sekolah yang berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Robins (2005) mendefinisikan persekitaran pembelajaran sebagai konteks pembelajaran formal dan tidak formal untuk memupuk atau menghalang pertumbuhan pelajar. Dalam kajian ini persekitaran pembelajaran merujuk kepada keadaan sekeliling sekolah yang meliputi suasana, pemandangan, warna dan tulisan, merangkumi persekitaran luaran dan dalaman serta peneguhan visual.

1.11.5 Persekitaran Luaran

Dalam kajian ini, persekitaran luaran didefinisikan sebagai keadaan fizikal dan suasana di sekolah yang melibatkan iklim pelajar atau suasana pelajar yang merangkumi reka bentuk keseluruhan bangunan, bunyi bising, laluan pejalan kaki, landskap dan juga kemudahan-kemudahan yang lain.

Kajian yang dilakukan oleh Tanner dan Lackney (2006) mendapati bahawa corak yang mempengaruhi persekitaran pembelajaran merangkumi pembinaan tapak, membina ruang pendidikan, berkongsi sekolah dan kemudahan komuniti yang berkaitan dengan semua ruang sama ada persekitaran dalaman atau persekitaran luaran.

1.11.6 Persekitaran Dalaman

Dalam kajian ini, persekitaran dalaman didefinisikan sebagai spesifikasi keluasan, tingkap, pengudaraan, ketinggian siling, lantai bangunan, ruang yang

mencukupi dan pencahayaan. Menurut Chan (1996), persekitaran pembelajaran mempunyai kesan langsung dan tidak langsung. Kesan langsung termasuk warna, pencahayaan, tiada bunyi bising dan pengalihan udara yang baik. Persekitaran pembelajaran yang baik memberi suasana yang kondusif kepada pelajar dan membolehkan pelajar untuk menumpukan perhatian kepada sekolah. Menurut Chan lagi, pelajar bertindak balas kepada persekitaran pembelajaran yang baik dan teruk dengan melahirkan sikap yang positif dan negatif. Dengan sikap positif terhadap persekitaran pembelajaran, pelajar belajar dengan motivasi yang tinggi dan sudah pasti dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik. Apabila pendidik mengabaikan peningkatan persekitaran pembelajaran, mereka tidak mementingkan masalah fizikal pembelajaran (Chan, 1996).

1.11.7 Peneguhan Visual

Dalam kajian ini, peneguhan visual didefinisikan sebagai paparan hal sekolah dan pelajaran yang dapat dilihat oleh pelajar bertujuan untuk menguatkan memori, mengukuhkan kefahaman dan menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Paparan tersebut meliputi hasil kerja pelajar, peraturan sekolah, pencapaian pelajar dan bahan pameran berkaitan topik yang dipelajari di kelas. Peneguhan visual merupakan elemen penting dalam menghidupkan persekitaran pembelajaran yang positif. Kegagalan untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran pembelajaran yang optimum boleh menjejaskan usaha-usaha lain untuk reformasi pendidikan (Young *et al.*, 2003).

1.12 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang dan permasalahan yang wujud dalam senario pendidikan di Malaysia yang melibatkan prasarana pendidikan dan juga persekitaran pembelajaran di sekolah. Bahagian ini menjadi teras kepada pelaksanaan kajian yang bukan sahaja melihat tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran, tetapi turut melihat hubungan diantara kedua-dua perkara ini. Pelaksanaan kajian ini berdasarkan penilaian guru-guru dan diharapkan dapat memberi perkongsian ilmu tentang pembangunan prasarana pendidikan negara yang berlaku sekarang dan dapat memberi impak yang baik terhadap persekitaran pembelajaran.

RUJUKAN

- Abu Zahari Abu Bakar. (1992). *Psikologi Pendidikan Untuk Guru*. Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran.
- Airasan, P., & Gay, L. R. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. (7th ed). Columbus, OH: Merrill Prentice Hall.
- American Federations of Teachers*. (1997). *Your School Building : Is It in Good Shape?*. Washington D.C.: New Jersey Avenue.
- American Schools and University*. (February 2001). *Into Thin Air. American Schools and University*. 73 (6), 32-39.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bajet 2013*. (2012). Kementerian Kewangan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Borneo Post. (11 Oktober 2011). *Pendidikan : Kerajaan Digesa Sediakan Peruntukan Khas Untuk Sabah Dan Sarawak*. Dicapai 17 Jun 2013, daripada <http://www.theborneopost.com/2011/10/11/pendidikan-kerajaan-digesa-sediakan-peruntukan-khas-untuk-sabah-sarawak/>

- Brown, A. L. & Campione, J. C. (1996). Psychological Theory and The Design of Innovative Learning Environments: *On Procedures, Principles, and Systems In Innovations In Learning*; Schauble and R. Glaser eds. *New Environments For Educations*. Mahwah, NJ: Erlbaum. 289-325.
- Cash, C. *Building Condition And Student Achievement And Behavior*. Doctoral Dissertation. Virginia Polytechnic and State University; 1993.
- Chan, T. C. (1996). *Environmental Impact On Student Learning*. Valdosta, Ga.: Valdosta State College.
- Clinton-Gore Administration. *Modernizing America's Schools*. (2000). Dicapai 18 Jun 2013, daripada <http://clinton4.nara.gov/textonly/WH/EOP/nec/html/doc061600.html>
- Creating Connections: The CEFPI Guide for Educational Facility Planning*. (2004). Council of Education Facility Planners International. Scottsdale, AZ.
- Creswell, J. W. (2004). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. 3rd ed. US: Pearson.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Deweese, S. (1999). *Improving Rural School Facilities For Teaching And Learning*. (ERIC Digest). Charleston, WV: ERIC Clearinghouse on Rural Education and Small Schools. (ERIC Document Reproduction Service No. ED438153). Dicapai 18 Jun 2013, daripada <http://www.ericdigests.org/2000-4/rural2.htm>
- Earthman, G. I., & Lemasters, L. (1996). *Review Of Research On The Relationship Between School Buildings, Student Achievement, And*

Student Behavior. Paper presented at annual meeting of the Council of Educational Facilities Planners, Dallas, Texas.

Eiselen, R., Uys, T. & Potgieter, N. (2005). *Analysing Survey Data Using SPSS 13: A Workbook*. University of Johannesburg.

Fraser, B. J. (1998). *Classroom Environment Instruments: Development, Validity And Applications*. Learning Environment Research 1: 7-33

Gay L. R. (1996). *Educational Research : Competencies for Analysis and Application*. Ed. New Jersey : Prentice Hall.

George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows Step By Step: A Simple Guide and Reference*. 4th ed. Boston: Pearson Education, Allyn & Bacon.

Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. (2013). *Statistics for the Behavioral Sciences*. Canada: Wadsworth Cengage Learning.

Hagreaves, D. H., & Hopkins, D. (1994). *Development Planning for School Improvement*. British : Cassell.

Hawkins, H.L., & Lilley, H.E. (1998). *Guide for School Facility Appraisal*. Phoenix, Arizona: Council of Educational Facility Planners, International.

Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kinney, T.C. & Taylor, J.R. (1996). *Marketing Research*. New York: McGraw-Hill Education.

Levin, R. I., & Rubin, D. S. (2000). *Statistics for Management*. 8th ed. New Delhi: Pearson Education.

- Lingren, H.C. (1976). *Educational Pyschology In The Classroom*. New York: Wiley & Sons Inc.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Kajian*. Edisi Kedua. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zolkifli Abd. Hamid. *Penerapan Elemen-Element Klinikal Dalam Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Oleh Guru-Guru Kanan Matapelajaran Dalam Daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia; 1999.
- Mok Soon Sang. (1995). *Pedagogi 2 : Strategi Pengajaran-Pembelajaran. Pengajaran Makro dan Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Ogundare, S. F. (1999). Community Utilization Of School Facilities: An Aspect Of School Community Relationship In Nigeria. *Journal Of The National Institute For Educational Planning And Administration*. 29(1). 115-121
- Olagboye, A. A. (2004). *Introduction on Educational Administration Planning And Supervision*. Ikeja: Joja Educational Research and Publishers.

Olson, S. L., & Kellum, S. (2003). *The Impact of Sustainable Buildings on Educational Achievements In K-12 Schools*. Dicapai 18 Jun 2013, daripada <http://www.cleanerandgreener.org/download/sustainableschools.pdf>

Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

O'Neill, D. J. *The Impact Of School Facilities On Student Achievement, Behavior, Attendance, And Teacher Turnover Rate At Selected Middle Schools In Region XIII ESC*. Doctoral Dissertation. Texas A & M University; 2000.

Ordinan Pendaftaran Sekolah 1950 (Malaysia). Peraturan (Am) Sekolah.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (2005). Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

Pelan Strategik Interim 2010-2020. (2009). Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

Pope, G. & Sadesky, G. (2011). *Stage 5 : Item And Item Analysis*. Edmonton, Canada : Yardstick Inc. Dicapai 17 Jun 2013, daripada http://cdn.harmonyapp.com/assets/4ec09123dabe9d73aa008033/stage_5_item_analysis_alc_white_paper.pdf

Ramaniah, A. L. (1999). *Kepimpinan Pendidikan, Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IBSB Buku.

- Robins, L. (2005). *Assessing Learning Environments: Context Matters*. Dicapai 17 Jun 2013, daripada http://www.iamse.org/development/2005/webcast_042105.pdf
- Ruzita Selamat, Ungku Norulakmar Ungku Ahmad, Dr. Noor Zainab Abd Razzak, Lokam Ali, Azian Abd Aziz, Fauziah Sheikh Ahmad, & Aminah Ahmad Khalid (2004). *Kajian ke Atas Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran Fakulti Pendidikan Sumber Manusia: Ke Arah Pembentukan Persekitaran Yang Optimum Dalam Mencapai Kecemerlangan Pengajaran Dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Savage, T.V. (1991). *Discipline For Self-Control*. New Jersey: Prentice Hall.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1985). *Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Sinar Harian. (10 Januari 2013). *Lokasi Sekolah Tidak Sesuai*. Dicapai 17 Jun 2013, daripada <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/lokasi-sekolah-tidak-sesuai-1.119779>
- Tan Kui Ngor. *Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar dan Kaedah Pengurusan Disiplin*.: Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia; 2006.
- Tanner, C. K., & Lackney, J. A. (2006). *Educational Facilities Planning: Leadership, Architecture, And Management*. Boston, MA: Pearson Education, Allyn & Bacon.
- Tessmer, M. & Harris, D. (1992). *Analysing The Instructional Setting*. New York: Kogan Page.
- Utusan Malaysia. (2 Mac 2010). *Tandas Sekolah Menjijikkan*. Dicapai 17 Jun

2013, daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0303&pub=UtusanMalaysia&sec=Kota&pg=wk_03.htm

Utusan Malaysia. (2007). *Masih Ada Jurang Walau Selepas 50 Tahun*. Portal Pendidikan Utusan – Isu Semasa. Dicapai 17 Jun 2013 http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2007&dt=0207&sec=Isu_Semasa&pg=is_01.htm:

Vandiver, B. (2011). *The Impact of School Facilities on The Learning Environment*. Doctoral Dissertation: Capella University.

Young, E., Green, H.A., Roehrich-Patrick, L., Joseph, L. & Gibson, T. (2003). *Do K-12 School Facilities Affect Education Outcomes?* Nashville, TN: The Tennessee Advisory Commission on Intergovernmental Relations.